

# Badan beruniform lambang Sehati Sejiwa

Oleh AHMAD ESA

**S**EPANJANG bulan Ogos 2015, tiga badan beruniform di universiti awam telah menyempurnakan istiadat pentaulahan masing-masing. Badan beruniform tersebut ialah Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) di Universiti Putra Malaysia (UPM), Sukarelawan Siswa-Siswi Polis (SUKSIS) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA) di Universiti Sains Malaysia.

Bagi setiap istiadat pentaulahan, acara akan dimulakan dengan Majlis Perbarisan Tamat Latihan, meliputi pemeriksaan barisan dan lintas hormat di padang kawad sebelum acara penyampaian sijil pelantikan di dewan universiti masing-masing. Di padang kawad, dari kejauhan jelas kelihatan keseragaman mahasiswa berbaris, dari tinggi ke rendah, dalam pakaian senada, memaparkan mereka berada dalam keadaan kebersamaan.

Sebaik sahaja setiap kontinjen melalui pentas utama untuk melakukan perbarisan lintas hormat sama ada dalam keadaan berjalan perlahan atau berjalan laju pasti mengujakan setiap yang melihat. Langkah kaki setiap anggota perbarisan bukan setakat sama kiri dan kanan tetapi bukaannya juga. Derap tapak kasut di atas padang kawad menghasilkan bunyi yang padu dan jitu. Tangan dihayun separas bahu tanpa mengira jantina membuktikan mereka seiring dan seirama dalam mengatur pergerakan semasa berkawad.

Lebih meremangkan bulu rompis apabila ketua perbarisan melontarkan suara dalam memberi arahan yang boleh didengari seluruh keluasan padang kawad dan pastinya sesiapa pun akan kagum apabila kontinjen berhenti dengan hanya satu derap yang begitu padu dan jitu. Biarpun lebih seribu mahasiswa berada di padang kawad bagi Majlis Perbarisan Tamat Latihan, mereka langsung tidak menunjukkan percanggahan dan kelainan dalam pergerakan dan penerimaan arahan. Mereka benar-benar bersatu dan berpadu.

Melihat pula kepada raut wajah setiap anggota, raut wajah mereka sama sahaja sama ada telah kehitanan kerana alahan pancaran matahari dalam tempoh latihan mahupun kemerahan seperti udang yang dibakar. Semuanya memaparkan wajah serius sedia untuk bertempur di medan perang. Dalam hati tertanya-tanya, "Manakah satu mahasiswa Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban?". Tidak dapat dikenali pasti dengan jelas. Wajah-wajah



SEBAHAGIAN daripada 1,628 pegawai kadet dari 18 universiti awam segak berkawad dalam Istiadat Pentaulahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam ke-34 di padang kawad, UPM, Serdang, pada 15 Ogos lalu. - UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED.

yang dilihat ialah wajah serupa yang telah bersatu di bawah payung uniform masing-masing.

Senario perbarisan tamat latihan bagi setiap badan uniform benar-benar menepati tema Hari Kebangsaan, 2015 iaitu, 'Sehati Sejiwa.' Tema tersebut dipilih kerana menggambarkan semangat perpaduan, persefahaman, kebersamaan dan kemanusiaan semua warganegara di Malaysia.

Tema ini sangat sesuai dan tepat pada masa ini bukan sahaja kerana persekitaran dan budaya Malaysia yang majmuk dan berpolarisasi tapi juga sebagai strategi menangani ancaman pihak-pihak yang anti pembangunan, keseimbangan dan keharmonian Malaysia hasil daripada proses integrasi dan perpaduan.

Tema Hari Kebangsaan tersebut dapat disemai menerusi badan-badan beruniform di peringkat sekolah mahupun universiti. Bagi mencapai kesempurnaan dalam berkawad perlukan latihan dan disiplin diri yang cukup tinggi dalam kalangan anggota-anggota badan beruniform.

Dalam tempoh latihan mereka perlu mengetepikan semua perbezaan yang berasaskan agama, kaum, bangsa, bahasa, geografi dan jantina. Dalam hati dan jiwa mereka hanya ada hasrat untuk menunjukkan bahawa langkah kawad mereka adalah sama dan seragam.

Bagi individu yang melakukan kesalahan dalam berkawad seperti tidak berhenti serentak dengan anggota lain, individu tersebut akan menjatuhkan hukuman ke atas diri sendiri seperti melakukan tekan tubi. Ini menunjukkan mereka benar-benar faham akan matlamat pasukan dalam berkawad iaitu keseragaman dalam pergerakan

dan pemberian serta penerimaan arahan.

Oleh itu, mereka tidak perlu ketua kontinjen untuk menjatuhkan hukuman tetapi mereka sendiri menghukum diri sendiri bagi setiap kesalahan yang dilakukan. Dalam hal ini setiap anggota akan cuba memahami antara satu sama lain dengan mereka yang tidak melakukan kesalahan terus menyokong dan memberikan motivasi kepada individu yang melakukan kesalahan semasa berkawad.

Badan beruniform secara isitiqamah menunjukkan sikap dan sifat sehati dan sejiwa dalam aspek kemanusiaan. Tanpa mengira warna kulit, agama yang dianut dan bicara yang ditutur, mereka akan saling tolong-menolong antara satu sama lain tanpa mengira perbezaan. Mereka akan mengusung anggota mereka yang pengsan atau cedera, mereka membentulkan pemakaian lencana di pakaian dan topi antara satu sama lain, mereka mendirikan khemah bersama-sama, ringkasnya susah senang dalam semua situasi mereka hadapi bersama-sama. Mereka benar-benar bersatu dalam kelainan.

Di universiti Awam, badan beruniform dikenali dengan teras kesukarelawanan di bawah bidang kurikulum. Penglibatan mahasiswa ada yang disebabkan untuk memperoleh kredit akademik, namun pada masa yang sama ramai terlibat atas faktor suka rela. Hati dan jiwa mereka yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan dapat dilihat keikhlasannya. Mereka sanggup turun padang apabila negara kita berhadapan dengan cabaran banjir dan gempa bumi tanpa mengharapkan balasan wang ringgit atau kredit akademik.

Berdasarkan matlamat untuk membersihkan rumah yang runtuhan, semuanya menyinsing lengan tanpa mengira kaum, agama dan negeri yang mereka hulurkan pertolongan. Mereka yang menghulur-

kan bantuan pula terdiri daripada beberapa aspek kepelbagaiannya namun mereka mengamalkan perpaduan sehati sejiwa atas dasar ingin membantu meringankan beban mangsa yang ditimba musibah.

Mereka juga memaparkan semangat sehati sejiwa apabila bekerjasama tanpa mengambil kira badan beruniform yang disertai. PALAPES dan SUKSIS boleh duduk dan berdiri bersekali dalam mengerah kudrat di setiap kawasan yang dihulurkan pertolongan.

Semangat sehati sejiwa yang disemai semasa mereka berada di pelbagai peringkat institusi pendidikan pastinya akan bertapak kukuh di sanubari setiap pelajar dan manusia. Apabila mereka bekerja di sebuah organisasi latihan kawad yang telah diikuti akan menjadi pedoman kepada mereka untuk sentiasa bekerjasama dan bersefahaman dengan sepenuh hati dan jiwa tanpa mengambil kira sentimen warna kulit, agama dan bahasa tetapi sentiasa fokus kepada pencapaian matlamat organisasi.

Dalam meniti kehidupan pula, sebagai warga negara, falsafah sehati sejiwa yang diperoleh menerusi latihan kawad dan aktiviti-aktiviti badan beruniform telah tersemai di dalam hati dan jiwa mereka dengan utuh dan padu. Mereka akan sentiasa meletakkan kepentingan kemanusiaan dan masyarakat mengatas kepentingan peribadi.

Mereka akan sentiasa inginkan kebersamaan dan berasakan Malaysia adalah milik bersama. Oleh itu, bumi Malaysia tercinta ini akan sentiasa dipelihara dan dijaga keamanan, kesejahteraan, keharmonian dan kemakmurannya, malah berpanjangan diperkuuh dan diperkasa. Selamat Menyambut Hari Kebangsaan, Sehati Sejiwa!

**PROF. MADYA AHMAD ESA** ialah Pengarah Pusat Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.